



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**13 JANUARI 2021 (RABU)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**13 JANUARI 2021 (RABU)**

# Tawar francais Coconut Shake 336

Oleh NUR IZZATI IZZAH NADZI  
izzah.nadzi@mediamalaysia.com.my

**P**ERNAHKAH anda menikmati minuman coconut shake? Kenikmatan meneguknya pada waktu panas memang amat melazatkan. Bagi penggemar hidangan minuman ini, jenama Coconut Shake 336 pasti antara ingin anda cuba.

Ketua Pegawai Eksekutif 336 Brand Sdn. Bhd., Farhan Alias berkata, bagi yang tidak tahu, keumikan jenama ini kerana ia mengambil aspirasi daripada al-Quran.

Katanya, di dalam al-Quran ada menyebut makanan halal dan dari situlah bermulanya perniagaan ini sebagai minuman yang tidak diragui apabila ia menggunakan 100 peratus air kelapa asli yang segar.

"Keenakan Coconut Shake 336 ini bukan sahaja pada rasa. Kami mempertingkatkan rasa minuman menggunakan teknologi moden namun masih mengekalkan keaslian air, jeli dan isi kelapa.

"Sekali gus menjadikan coconut shake kami ternyata lain daripada yang biasa diminum atau ditemui," katanya dalam majlis perasmian Flagship Outlet Coconut Shake 336 di Selayang18, Bandar Baru Selayang, baru-baru ini.

Majlis dirasmikan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Jenama berkenaan menawarkan enam jenis produk antaranya Original Coconut Shake, Caramel Coconut Shake dan Coco Coconut Shake pada harga bermula RM7.90.

Ujar Farhan, pihaknya memberi fokus kepada minuman coconut shake kerana tiada lagi yang membawa perniagaan ini secara serius dengan membuka francais dan yakin akan menembusi peringkat antarabangsa.

"Kami merangka konsep perniagaan seperti ini supaya ia lebih bertaraf



HASNOL Zam Zam Ahmad menurunkan tandatangan semasa merasmikan Flagship Outlet Coconut Shake 336 di Selayang, baru-baru ini. Turut menyaksikan Farhan Alias (dua dari kanan).

antara bangsa dan dapat mengeksport produk Coconut Shake 336 ke luar negara suatu hari nanti.

## FRANCAIS

Dalam usaha mengembangkan perniagaannya, Coconut Shake 336 menggalakkan penyertisan daripada

usahawan modal atau belia untuk menceburi

**ANTARA pilihan minuman Coconut Shake.**



**“ Keenakan Coconut Shake 336 ini bukan sahaja pada rasa. Kami mempertingkatkan rasa minuman menggunakan teknologi moden...”**

bidang francais.

Syarikat berkenaan memperkenalkan tiga konsep francais iaitu kiosk di stesen minyak dan pasar raya, kedai atau outlet di lot komersial dan konsep premium kafe kepada mereka yang berminat menceburi dunia perniagaan.

"Modal membuka francais Coconut Shake 336 secara kiosk di stesen minyak dan pasar raya adalah RM50,000 ke bawah, manakala kedai di lot komersial RM100,000 dan konsep premium kafe pula antara RM150,000 dan RM200,000," katanya.

Hingga kini pihaknya menerima lebih 30 permohonan untuk menceburi francais Coconut Shake 336.

"Kami menjangka untuk membuka 50 cawangan



FARHAN Alias menunjukkan geganting program kongsi rezeki.

dalam tempoh 24 bulan di Lembah Klang meliputi Putrajaya akan tercapai," katanya.

## BANTUAN

Memberi semula kepada masyarakat, syarikat turut memperkenalkan program kongsi rezeki dengan membuat aghian maknasan pada setiap Jumaat.

Sebanyak 200 pek makanan

percuma dihulurkan kepada golongan asnaf di kawasan Bandar Baru Selayang.

"Aghian makanan ini dilaksanakan secara konsisten bagi membantu meringankan beban mereka.

"Alhamdulillah kongsi rezeki atau tanggungjawab sosial korporat ini merupakan siri keenam yang kami buat setiap Jumaat antara pukul 12 tengah hari dan 1 petang," katanya.

## KPDNHEP Melaka hadkan pembelian roti putih, barang keperluan

**Ayer Keroh:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka menetapkan hanya sebungkus bagi pembelian roti putih untuk setiap pelanggan pasar raya dan kedai runcit di negeri ini sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketetapan yang berkuat kuasa hari ini untuk mengekang pembelian panik serta pembaziran dalam kalangan masyarakat terutama selepas pengumuman pelaksanaan PKP di Melaka.

Pengarah KPDNHEP negeri, Norena Jaafar, berkata turut dihadkan pembelian adalah minyak masak, tepung gandum dan gula pasir dengan setiap pengguna hanya dibenarkan membeli dua bungkus bersamaan dua kilogram.

Beliau berkata, pihaknya terpaksa mengambil inisiatif berkenaan berdasarkan kepada pengalaman pelaksanaan PKP 0.1 lalu yang menyaksikan pengguna membeli roti putih serta barangan keperluan harian lain secara pa-



**Norena Jaafar**

nik dan berlebihan menyebabkan stok produk itu habis di pasaran.

"Sebenarnya roti putih masih banyak di Melaka cuma kita mahu mengekang pembelian panik dalam kalangan masyarakat dengan menghadkan kepada sebungkus sehari untuk setiap pembeli," katanya selepas mengiringi EXCO Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Wira Ismail Othman di Pasaraya Mydin, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini semalam.





**ASMAH** melihat rakmenempatkan minyak masak paket yang kosong di sebuah pasar raya di Shah Alam, Selangor semalam. - UTUSAN/ NOR AZIHAN MD. GHAZALI

## Ramai buat pembelian panik

**SHAH ALAM:** Di sebalik jaminan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri memberi jaminan barangan keperluan mencukupi di pasaran, orang ramai tidak peduli dengan mereka tetap melakukan pembelian panik.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa pasar raya di sini mendapati bahagian rak minyak masak (paket dan botol) dan sayur-sayuran seperti cili, timun, terung serta kubis kosong.

Seorang pekerja yang hanya mahu dikenali sebagai **Azman**, 39, berkata, bekalan minyak masak, sayur-sayuran dan barangan lain habis sejak kelmarin.

"Apabila bekalan habis, kita telah menambahnya di rak. Bagaimanapun, bekalan yang baharu ditambah juga telah

habis dan kita terpaksa menjual barangan yang tinggal sahaja.

"Saya melihat orang ramai mula membuat persediaan awal secara berperingkat selepas khabar angin tersebar berkenaan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya di sini semalam.

Terdahulu, kerajaan mengumumkan melaksanakan PKP di enam buah negeri iaitu di Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah selama 14 hari bermula pukul 12.01 tengah malam tadi (Rabu) hingga 26 Januari depan.

Sementara itu, kakitangan swasta, **Zulkefli Zakaria**, 56, berkata, dia membeli barangan yang diperlukan sahaja untuk keluarga dan tidak gemar mem-


beli secara berlebihan kerana menganggap ia pembaziran.

"Saya memang menjangkakan kerajaan akan melaksanakan PKP kali kedua melihat kepada peningkatan kes Covid-19 secara mendadak," katanya.

Sementara itu, suri rumah, **Asmah Supian**, 44, berkata, pihaknya mendapati banyak barangan di rak licin dan mungkin orang ramai membuat persiapan awal dengan membeli keperluan.

"Mungkin mereka tidak mahu berhadapan kesesakan pada saat akhir yang akan menyusahkan diri sendiri.

"Saya berharap peniaga atau pihak pasar raya dapat menambah stok barangan yang habis bagi memastikan bekalan barangan sentiasa mencukupi sepanjang PKP," ujarnya.

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam <b>RM5.99</b>	• Telur Cerd A <b>RM9.89</b>	• Gula Pasir <b>RM2.85</b>	• Cili Merah <b>RM12.99</b>
	• Daging Lembu Tempatan <b>RM32</b>	• Ikan Kembung <b>RM8.99</b>	• Bawang Besar Holland <b>RM2.69</b>	• Kubis Tempatan <b>RM3.80</b>
	• Daging Lembu Import <b>RM24</b>	• Minyak Masak <b>RM5.30</b>	• Bawang Putih <b>RM4.88</b>	• Tepung Gandum <b>RM2.15</b>
<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP</small>				